



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 25 September 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<b>CBO Tangani Isu Dera Kanak-Kanak, Keganasan Terhadap Wanita</b>  <a href="https://www.bharian.com.my/amp/wanita/keluarga/2024/09/1302269/cbo-tangani-isu-dera-kanak-kanak-keganasan-terhadap-wanita">https://www.bharian.com.my/amp/wanita/keluarga/2024/09/1302269/cbo-tangani-isu-dera-kanak-kanak-keganasan-terhadap-wanita</a>	Berita Harian	Neutral
2.	<b>Kembara Kasih KPWKM: Misi Tercapai, 12,000 Penduduk Terima Manfaat</b>  <a href="https://www.youtube.com/watch?v=E3vkcg31YQU">https://www.youtube.com/watch?v=E3vkcg31YQU</a>	TVS	Neutral
3.	<b>Dua Sekawan Bertekad Berkhidmat Sebagai Sukarelawan</b>  <a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/24/dua-sekawan-bertekad-berkhidmat-sebagai-sukarelawan">https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/24/dua-sekawan-bertekad-berkhidmat-sebagai-sukarelawan</a>  <a href="https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_bajet.php/news.php?id=2343840">https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news_bajet.php/news.php?id=2343840</a>  <a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2343862">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2343862</a>  <a href="https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2343862">https://www.bernama.com/tv/news.php?id=2343862</a>	Utusan Borneo  Bernama  Bernama  Bernama	Neutral
4.	<b>Banjir Di Kedah: 5,814 Mangsa Masih Ditempatkan Di 29 PPS</b>		Neutral

	<p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137276/banjir-di-kedah-5814-mangsa-masih-ditempatkan-di-29-pps#google_vignette">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137276/banjir-di-kedah-5814-mangsa-masih-ditempatkan-di-29-pps#google_vignette</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mangsa-banjir-di-kedah-turun-kepada-6439-orang-petang-ini-489111">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mangsa-banjir-di-kedah-turun-kepada-6439-orang-petang-ini-489111</a></p> <p><a href="https://selangorkini.my/2024/09/bah-di-kedah-6439-mangsa-masih-berteduh-di-32-pps-setakat-4-petang/">https://selangorkini.my/2024/09/bah-di-kedah-6439-mangsa-masih-berteduh-di-32-pps-setakat-4-petang/</a></p> <p><a href="https://www.malaysiakini.com/news/720390">https://www.malaysiakini.com/news/720390</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/mangsa-banjir-di-kedah-berkurangan-ke-5592-orang-pada-8-malam/">https://www.buletintv3.my/nasional/mangsa-banjir-di-kedah-berkurangan-ke-5592-orang-pada-8-malam/</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137378/mangsa-banjir-di-kedah-terus-menurun">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137378/mangsa-banjir-di-kedah-terus-menurun</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2343845">https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2343845</a></p> <p><a href="https://www.wilayahku.com.my/mangsa-banjir-di-pps-kedah-menurun-pada-petang-ini/">https://www.wilayahku.com.my/mangsa-banjir-di-pps-kedah-menurun-pada-petang-ini/</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/09/24/banjir-kedah-jumlah-mangsa-menurun-kecuali-pandang/">https://www.kosmo.com.my/2024/09/24/banjir-kedah-jumlah-mangsa-menurun-kecuali-pandang/</a></p> <p><a href="https://thesun.my/cerita/berita/mangsa-banjir-di-kedah-terus-menurun-kepada-5592-orang-malam-ini-OB13037559">https://thesun.my/cerita/berita/mangsa-banjir-di-kedah-terus-menurun-kepada-5592-orang-malam-ini-OB13037559</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Seangor Kini</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Harian Metro</p> <p>Bernamea</p> <p>Wilayahku</p> <p>Kosmo</p> <p>The Sun</p>	
5.	<p><b>Peguam Syarie Tawar Bantuan Pada Wanita, Kanak-Kanak Mangsa GISBH</b></p> <p><a href="https://www.malaysiakini.com/news/720354">https://www.malaysiakini.com/news/720354</a></p>	<p>Malaysia Kini</p>	Neutral
6.	<p><b>Jangan 'Sentuh' Kanak-Kanak</b></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/jangan-sentuh-kanak-kanak/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/jangan-sentuh-kanak-kanak/</a></p>	<p>Utusan</p>	Neutral

7.	<p><b>Garis Panduan Ibu Bapa Rakam, Muat Naik Video Untuk Lindungi Kanak-Kanak</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137201/garis-panduan-ibu-bapa-rakam-muat-naik-video-untuk-lindungi-kanak-kanak">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137201/garis-panduan-ibu-bapa-rakam-muat-naik-video-untuk-lindungi-kanak-kanak</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/tag/rakam-kandungan-kanak-kanak/">https://malaysiagazette.com/tag/rakam-kandungan-kanak-kanak/</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Neutral
8.	<p><b>Love Scam: Peguam Wanita Rugi RM1.7 Juta</b></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/love-scam-peguam-wanita-rugi-rm1-7-juta">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/love-scam-peguam-wanita-rugi-rm1-7-juta</a></p>	Berita RTM	Neutral
9	<p><b>Wanita Didenda RM2,000 Kerana Mencuri Di Pasar Raya</b></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/24/wanita-didenda-rm2000-kerana-mencuri-di-pasar-raya">https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/24/wanita-didenda-rm2000-kerana-mencuri-di-pasar-raya</a></p>	Utusan Borneo	Neutral
10	<p><b>Ibu Tunggal Oku Raih Pendapatan Hasilkan Bunga Sabun</b></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2343935">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2343935</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/687362/galeri/bunga-sabun">https://www.sinarharian.com.my/article/687362/galeri/bunga-sabun</a></p>	<p>Bernamea</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral
11	<p><b>Selepas Banjir Hampir Surut, Rumah Terbakar Pula</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137223/selepas-banjir-hampir-surut-rumah-terbakar-pula">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137223/selepas-banjir-hampir-surut-rumah-terbakar-pula</a></p>	Harian Metro	Neutral
12	<p><b>'Selepas Kematian Suami, Ibu Tunggal Pasrah Hilang Dua Anak Yang Maut Langgar Tong Roro'</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1302388/selepas-kematian-suami-ibu-tunggal-pasrah-hilang-dua-anak-yang-maut">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/09/1302388/selepas-kematian-suami-ibu-tunggal-pasrah-hilang-dua-anak-yang-maut</a></p>	Berita Harian	Neutral

	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=2uY7Hy2Napo">https://www.youtube.com/watch?v=2uY7Hy2Napo</a>  <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/687291/berita/semasa/saya-tak-kuat-10-bulan-lalu-hilang-suami-kini-hilang-dua-anak">https://www.sinarharian.com.my/article/687291/berita/semasa/saya-tak-kuat-10-bulan-lalu-hilang-suami-kini-hilang-dua-anak</a>  <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/687342/video/berita-semasa-video/saya-tak-kuat-10-bulan-lalu-hilang-suami-kini-hilang-dua-anak">https://www.sinarharian.com.my/article/687342/video/berita-semasa-video/saya-tak-kuat-10-bulan-lalu-hilang-suami-kini-hilang-dua-anak</a>	<p>Buletin TV9</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Sinar Harian</p>	
13	<p><b>Warga Emas Rugi Lebih RM100,000 Diperdaya 'Pegawai Polis Palsu'</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-rugi-lebih-rm100000-diperdaya-pegawai-polis-palsu-489118">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-rugi-lebih-rm100000-diperdaya-pegawai-polis-palsu-489118</a></p> <p><a href="https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2343755">https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2343755</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1302311/warga-emas-rugi-rm184000-terpedaya-pegawai-polis-bukit-aman">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1302311/warga-emas-rugi-rm184000-terpedaya-pegawai-polis-bukit-aman</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/09/24/warga-emas-rugi-rm290000-dalam-9-hari-diperdaya-pegawai-skmm-polis/">https://malaysiagazette.com/2024/09/24/warga-emas-rugi-rm290000-dalam-9-hari-diperdaya-pegawai-skmm-polis/</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=EWdEmIPXMbQ">https://www.youtube.com/watch?v=EWdEmIPXMbQ</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137193/warga-emas-rugi-rm184000-diperdaya-polis-bukit-aman">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137193/warga-emas-rugi-rm184000-diperdaya-polis-bukit-aman</a></p> <p><a href="https://thesun.my/cerita/berita/warga-emas-rugi-lebih-rm100000-diperdaya-pegawai-polis-palsu-FB13034818">https://thesun.my/cerita/berita/warga-emas-rugi-lebih-rm100000-diperdaya-pegawai-polis-palsu-FB13034818</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=4dWVwoc2AUA">https://www.youtube.com/watch?v=4dWVwoc2AUA</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>Bernamea</p> <p>Berita Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Harian Metro</p> <p>The Sun</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral
14	<p><b>Warga Emas Putih Mata, Habis RM1.24 Juta Diperdaya Sindiket Pelaburan Saham IPO</b></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/warga-emas-putih-mata-diperdaya-sindiket-pelaburan-saham-ipo">https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/warga-emas-putih-mata-diperdaya-sindiket-pelaburan-saham-ipo</a></p>	<p>Berita RTM</p>	Neutral

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

## CBO TANGANI ISU DERA KANAK-KANAK, KEGANASAN TERHADAP WANITA

KUALA LUMPUR: Usaha menangani masalah setempat seperti keganasan terhadap wanita, penderaan kanak-kanak dan sebagainya, mampu diatasi dengan kewujudan Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO).

Hasil usaha daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) itu bertujuan untuk meningkatkan penyampaian bersama komuniti dalam usaha membantu kumpulan sasar dengan konsep Kebajikan Tanggungjawab Bersama.

Selain itu, ia dapat membantu ahli komuniti supaya dapat menjadi rakan strategik dalam membantu kumpulan yang memerlukan dan berusaha memberi sokongan sosial kepada masyarakat setempat.

Pengetua sebuah rumah kebajikan, Aimee Chan, berkata dia melihat CBO sebagai satu program yang komprehensif.

Katanya, ini kerana jika berlaku sesuatu di kawasan setempat, mereka sudah tahu hendak tuju ke mana berbanding sebelum ini akan berasa panik dan takut.

"Sekarang ini apabila sudah tahu program ini berada di kawasan komuniti, kita akan berasa sedikit lega kerana tahu mereka sentiasa ada untuk membantu.

"Malah selain untuk keselamatan, mereka juga dapat membantu permasalahan yang dihadapi golongan tua, orang kurang upaya (OKU) dan kanak-kanak," katanya.

Bagi kakitangan awam, Narimah Ismail, 44, berkata beliau melihat program sedemikian amat baik untuk penduduk setempat.

Katanya, ini kerana CBO mempunyai semua maklumat lengkap daripada untuk membantu kanak-kanak, wanita dan warga emas yang memerlukan.

"Oleh itu penting untuk mereka yang tahu mengenai kewujudan CBO di komuniti mereka, maklumkan kepada ahli keluarga masing-masing.

"Ini supaya mereka tahu ke mana harus dituju untuk mendapatkan bantuan jika berlaku sebarang masalah," katanya.

Baru-baru ini, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri merasmikan Program Pelancaran CBO Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) di Dewan Serbaguna Perumahan Awam Desa Rejang, di sini.

Dalam ucapannya beliau berkata, ahli CBO terdiri daripada pelbagai jawatankuasa dan sukarelawan kebajikan termasuk Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK), Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak (PPKK) serta ahli komuniti.

Katanya, mereka adalah rakan strategik JKM dalam menyantuni dan melindungi kumpulan sasar di bawah KPWKM iaitu wanita, kanak-kanak, OKU, warga emas dan keluarga.

"Mereka didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran penting untuk menjalankan peranan penting dalam melindungi dan menyokong kumpulan sasar di bawah Akta Kanak-Kanak 2001," katanya.

Beliau berkata, sehingga kini, terdapat 140 PPKK di seluruh negara dengan enam pasukan di WPKL yang bertanggungjawab menyelaraskan perkhidmatan untuk keluarga dan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan.

Selain itu, katanya terdapat 143 Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) dan 137 PPKK di seluruh negara.

"Selain itu, keganasan rumah tangga juga adalah isu yang perlu diambil serius oleh CBO.

"Ahli komuniti yang mengetahui mengenai kes penderaan atau keganasan rumah tangga boleh melaporkannya melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat, balai polis, hospital, Talian Kasih 15999 atau WhatsApp 019- 2615999," katanya.

Bagi komuniti OKU pula katanya, terdapat 569 PPDK dengan seramai 567 penyelarasan dan 2,786 petugas yang memberi manfaat kepada 19,415 OKU di seluruh negara.

"Untuk warga emas, terdapat sebanyak 160 PAWE sedia ada di seluruh negara dan tambahan 33 PAWE baharu sepanjang tahun ini dengan jumlah warga emas berdaftar seramai 55,835 orang," katanya.

## **DUA SEKAWAN BERTEKAD BERKHIDMAT SEBAGAI SUKARELAWAN**

SIBU: Persahabatan Mohamad Ali Wan Ahmad, 48, dan Abdul Rahman Rosli, 34, yang terjalin di laman media sosial Facebook pada 2013 menjadi lebih bermakna apabila kedua-duanya berkongsi perwatakan sama iaitu gemar membantu orang ditimpa kesusahan sejak kecil.

Jarak usia 14 tahun tidak menghalang kedua-dua insan yang ringan tangan itu untuk meneroka aktiviti sukarelawan pada hujung minggu, meskipun masing-masing sudah pun mempunyai pekerjaan tetap.

"Minat kami untuk membantu orang ini muncul secara semula jadi dan bila menonton program kebajikan disiarkan di televisyen, ia menguatkan lagi perasaan mahu membantu orang menerusi saluran yang betul.

"Setelah bertanyakan orang tempatan dan aktif mencari platform untuk membantu penduduk tempatan yang susah, maka tercetuslah idea untuk menyertai program Khidmat Bantu Di Rumah (KBDR) pada 2022," kata Abdul Rahman ketika ditemui Bernama di Program Kembara KASIH KPWKM 2024 baru-baru ini.

Inisiatif sukarelawan KBDR di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan perkhidmatan sokongan sosial kepada golongan sasaran iaitu warga emas dan orang kurang upaya (OKU) yang memerlukan dengan sukarelawan mengadakan lawatan ke rumah klien pada hari tertentu.

Abdul Rahman yang bekerja di Tempat Transit Gelandangan Sibul berkata program berkenaan membuka matanya untuk mempelajari cara mengendalikan klien yang mempunyai latar belakang serta perwatakan berbeza.

“Setiap sukarelawan KBDR memegang maksimum empat klien, macam saya sendiri, klien saya kebanyakannya OKU intelektual... jadi sebelum saya mendekati klien, saya akan buat kajian dan tanya waris apakah perwatakan mereka kerana ada OKU yang dapat bercakap, ada yang tidak.

“Untuk OKU, lebih kepada menolong menyuapkan makanan dan membeli keperluan makanan mereka menggunakan bantuan JKM bagi program ini iaitu RM80 sebulan,” katanya lagi sambil menambah beliau dan rakannya sering kali mengadakan lawatan ke rumah klien pada hujung minggu.

Bagi Mohamad Ali, bertugas sebagai sukarelawan KBDR bagi klien warga emas bukanlah sesuatu yang sukar untuknya memandangkan beliau sememangnya selesa bergaul dengan golongan berkenaan serta berpengalaman menjaga ibu dan neneknya yang terlantar sakit suatu ketika dahulu.

Berbeza dengan keperluan komuniti OKU, penjaga stor di Penjara Sibul itu berkata perkhidmatan yang disediakan kepada warga emas antaranya menukar lampin, selain membawa mereka ke hospital atau klinik.

“Pada awalnya ada juga rasa takut sekiranya klien tidak menerima saya, namun mereka gembira dan saya dah anggap mereka sebagai ibu saya sendiri dan memanggil mereka dengan panggilan ‘mak’.

“Kami seronok dapat memberi sinar harapan kepada klien dan setakat ini saya dah mempelawa empat rakan untuk menyertai program ini,” katanya.

Perkhidmatan yang ditawarkan sukarelawan program KBDR terbahagi kepada empat kategori meliputi khidmat sosial, kesihatan, kerohanian atau pendidikan serta kebersihan atau keselamatan.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) JKM Rosmahwati Ishak berkata inisiatif KBDR menjadi antara usaha bagi Malaysia mendepani status ‘negara tua’ menjelang 2030 apabila peratusan warga emas berusia lebih 60 tahun dalam pola 15.3 peratus daripada jumlah penduduk negara.

Beliau berkata permintaan untuk perkhidmatan sokongan sosial berkenaan kian meningkat dan setakat Ogos tahun ini, seramai 2,295 sukarelawan terlibat dalam program KBDR membabitkan sejumlah 8,696 klien.

“Sukarelawan yang dilantik ini terdiri daripada warga tempatan kerana mereka lebih mengenali ahli komuniti mereka sendiri, jadi memudahkan proses membina perhubungan kerana tiada jurang komunikasi.

“Setakat ini Kelantan mempunyai jumlah sukarelawan KBDR tertinggi iaitu 285 orang, diikuti Sarawak (279) dan Selangor (272), namun dari segi geografi Sarawak yang luas, terdapat keperluan untuk menambah bilangan di negeri ini dengan

mengemukakan permohonan belanjawan,” katanya sambil menjelaskan pemohon perlu menjalani kursus sebelum dibenarkan mengendalikan klien.

Selain KBDR, Rosmahwati berkata Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi JKM memberi peluang warga emas tempatan menjalani aktiviti sihat bersama di 161 pusat warga emas (PAWE) yang disediakan di seluruh negara.

“Ini sebagai galakan untuk mereka meneruskan gaya hidup produktif dan aktif, jadi bagi yang tidak mampu datang ke PAWE, kita bawa program khidmat sosial berkenaan kepada mereka menerusi KBDR,” katanya yang seterusnya menyatakan sejumlah 51,989 warga emas telah berdaftar di bawah PAWE.

Kembara KASIH yang berlangsung di lapan daerah Sarawak iaitu Kuching, Sibu, Kapit, Bintulu, Sibuti, Miri, Limbang dan Lawas memberi peluang kepada kementerian dan agensi di bawah KPWKM mendekati serta menghulurkan bantuan kepada penerima berdaftar.

Seramai 12,000 rakyat Sarawak mendapat manfaat menerusi pelbagai program digerakkan sepanjang kembara itu yang diadakan 14 hingga 21 September melibatkan perjalanan sejauh 1,456 kilometer. -- BERNAMA

### **BANJIR DI KEDAH: 5,814 MANGSA MASIH DITEMPATKAN DI 29 PPS**



Alor Setar: Bilangan mangsa banjir di Kedah berkurangan kepada 5,814 mangsa daripada 1,859 keluarga yang masih ditempatkan di 29 pusat pemindahan sementara (PPS) di empat daerah di negeri ini.

Jumlah itu dilaporkan pada 4 petang hari ini berbanding 6,809 mangsa daripada 2,171 keluarga di 33 PPS pada 8 pagi hari ini.

Empat PPS yang masih dibuka adalah di daerah Kota Setar, Pendang, Kubang Pasu dan Pokok Sena.

Menurut laporan Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), daerah Kota Setar masih mencatatkan penurunan kepada 3,921 mangsa daripada 1,274 keluarga di 16 PPS di daerah itu.

Sementara itu, di daerah Pendang pula masih kekal mencatatkan jumlah seramai 1,606 mangsa daripada 490 keluarga di 10 PPS.

Selain itu, mangsa banjir di Kubang Pasu pula berkurangan kepada 225 mangsa daripada 70 keluarga di dua PPS.

PPS Pokok Sena juga berkurangan kepada 59 mangsa daripada 24 keluarga.

Dalam pada itu, berdasarkan laman web Publik Infobanjir Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pula memaklumkan, bacaan paras air Sungai Laka di Kampung Padang Pasir di daerah Kubang Pasu mencatatkan bacaan melepasi paras bahaya 22.13 meter (m) berbanding 21.6 m pada 4 petang hari ini.

Selain itu, Sungai Anak Bukit di Jambatan TAR Kota Setar dan Sungai Kedah di Jambatan Lebuh raya mencatatkan bacaan melebihi paras amaran manakala Sungai Bata di Kampung Bata di daerah Kubang Pasu mencatatkan bacaan melebihi paras waspada.

## **LOVE SCAM: PEGUAM WANITA RUGI RM1.7 JUTA**

***KUALA LUMPUR, 24 September*** - Seorang peguam wanita berusia 58 tahun mengalami kerugian lebih RM1.7 juta selepas diperdaya sindiket 'Love Scam'.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata mangsa mengenali suspek yang memperkenalkan diri sebagai warga Amerika Syarikat melalui aplikasi WhatsApp pada Julai lalu.

"Suspek mendakwa bekerja sebagai marin geologist dan meminta mangsa membuat pembayaran ke beberapa akaun untuk membantu membawa masuk wang ke Malaysia selepas kononnya dirompak. Mangsa mengalami kerugian RM1,757,490 akibat penipuan tersebut," katanya pada Sidang media mingguan JSJK di Ibu negara.

Tambah Ramli, suspek kemudian berjanji untuk memulangkan semula wang mangsa, bagaimanapun sehingga kini mangsa tidak menerima sebarang pemulangan wang.

Ramli turut mengingatkan orang ramai agar berhati-hati dengan hubungan maya, terutamanya jika terdapat permintaan wang secara tiba-tiba.